

Headline	5,800 pelajar terima kelengkapan sekolah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Nasional	Page No	65
ArticleSize	581 cm <sup>2</sup>	Journalist	Ahmad Suhael
PR Value	RM 59,853		


**PROGRAM 'BACK TO SCHOOL'**

# 5,800 pelajar terima kelengkapan sekolah

• TNB serah sumbangan ringan beban keluarga kurang berasib baik

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
ahmad.suhael@nsp.com.my

► Kuala Lumpur

Sesi persekolahan 2019 bagi hampir 5,800 pelajar dari pada golongan kurang berasib baik, lebih ceria apabila menerima sumbangan kelengkapan persekolahan daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Menerusi program 'Back To School', TNB menyumbangkan se-persalinan seragam sekolah, beg dan alat tulis bernilai RM200 setiap seorang kepada pelajar dari 30 lokasi seluruh Semenanjung dan Sabah.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, berkata, syarikat utiliti itu membelanjakan RM1 juta untuk program itu tahun ini, bagi membantu meringankan beban ibu bapa daripada keluarga berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

"Nilai sumbangan ini mungkin kecil untuk sesetengah keluarga, tetapi besar maknanya kepada ibu bapa penerima bantuan, khususnya yang mempunyai lebih daripada seorang anak masih bersekolah."

"Pelaksanaan program 'Back To School' ini diharap dapat mendong dan menyentuh semangat kepada semua terus berusaha gigih untuk berjaya dalam pelajaran masing-masing," katanya berucap



**Moggie**  
pada Majlis  
Penyerahan  
Pakaian  
Persekolahan  
Sesi 2019  
di Kompleks Sukan  
TNB, Kuala Lumpur,  
semalam.

pada Majlis Penyerahan Pakaian Persekolahan Sesi 2019 di sini, semalam.

Sejak diperkenalkan pada 2013, lebih 30,000 pelajar menerima bantuan menerusi program Back To School TNB, dengan nilai keseluruhan sumbangan mencecah RM6.2 juta.

Pada majlis itu, Moggie menyampaikan sumbangan kepada 400 pelajar daripada enam sekolah, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Bangsar, SK Bukit Bandaraya, SK Bukit Pantai, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bangsar, SMK Bukit Bandaraya dan SMK Seri Pantai.

Moggie berkata, walaupun perniagaan bantuan program dikhususkan kepada pelajar berusia tujuh hingga 12 tahun, syarat itu dilonggarkan bagi pelajar di sekitar Lembah Pantai.

"Kelonggaran ini dibuat atas dasar kos sara hidup yang tinggi di

kawasan bandar atau dalam kata lain, wujudnya miskin bandar di kawasan ini," katanya.

**54 terima tajaan RM1,500**  
Mengulas lanjut, Moggie berkata, seramai 54 pelajar daripada tiga sekolah menengah berkenaan, turut menerima tajaan berjumlah RM1,500 setahun bagi tempoh tiga tahun, iaitu antara 2018 hingga 2020.

Katanya, tajaan itu bagi menampung keperluan asas persekolahan daripada Tingkatan Tiga hingga Tingkatan Lima, menerusi program Bantuan Pendidikan B40.

Malah, katanya, TNB membezakannya dengan melaksanakan lebih RM1 bilion untuk memberi manfaat kepada lebih 11,000 pelajar yang menerima tajaan, bantuan dan sokongan termasuk derma-siswa, biasiswa dan pinjaman boleh ubah, sejaya komitmen TNB memperkisas-

pendidikan generasi pewaris serta membangunkan modal insan negara.

"Anak-anak ini adalah masa depan kita yang bakal membentuk negara. Masa depan negara hanya boleh menjadi lebih baik jika dapat dipupuk pada peringkat awal oleh semua pihak berkaitan," katanya.

Sementara itu, pelajar SK Bukit Pantai, Ridqwan Ridzuan, 12, menghairkan rasa syukur dan terima kasih kepada TNB atas bantuan kelengkapan persekolahan yang diberikan.

"Saya hanya ada satu set baju sekolah untuk tahun ini dan hari ini saya hanya pakai baju tahun lalu."

"Saya gembira apabila TNB berikan beg sekolah, baju, seluar dan kasut baharu," katanya yang mahu memperoleh 6A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini.

**Mahu usaha lebih gigih**  
Bagi pelajar SMK Bukit Bandaraya, Ammyers Katrina Adam, 14, sumbangan TNB itu menjadikannya mahu berusaha lebih gigih untuk mencapai keputusan cemerlang dalam pelajaran.

"Saya gembira dengan bantuan ini yang membuatkan saya mahu berusaha lebih keras supaya berjaya pada masa depan," katanya yang bercita-cita untuk menjadi pereka bentuk dalaman.

Seorang lagi pelajar SMK Bukit Bandaraya, S. Harikrishnaa, 14, menghargai bantuan kelengkapan persekolahan itu kerana ia dapat membantu meringankan beban ibu dan bapanya.

"Ibu dan bapa menasihatkan saya untuk menjadikan bantuan ini sebagai motivasi untuk belajar lebih rajin," katanya yang menetap di Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Pantai.